



## “BARAKAH YANG HILANG”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِيعٌ عَلِيمٌ</p> <p style="text-align: right;">1 </p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi semua larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita akan diberikan taufik dan hidayah, serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah “<b>BARAKAH YANG HILANG.</b>”</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah,</b></p>	6
<p>Di antara perkara yang sering mengundang gundah di hati kita ialah kecukupan harta. Ya, harta yang mencukupi adalah antara punca kesejahteraan hidup. Dengan harta, kita dapat membina keluarga dan menyediakan kelengkapan terbaik. Rumah yang selesa, kenderaan yang baik, makanan yang berkhasiat, pendidikan yang terjamin dan kesihatan yang terjaga. Maka, kecukupan harta itu sangat penting kerana itu tanda kita diberkati oleh Allah SWT,</p>	7

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 261.



<p>seperti mana Nabi Muhammad SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Hakim bin Hizam:</p> <p>يَا حَكِيمُ ، إِنَّ هَذَا الْمَالَ خَصِرٌ حُلُوٌّ ، فَمَنْ أَخَذَهُ بِسَخَاوَةِ نَفْسِ بُورِكَ لَهُ فِيهِ</p> <p><i>"Wahai Hakim, sesungguhnya harta ini indah dan manis. Barangsiapa mengambilnya dengan jiwa yang pemurah, ia akan diberkati pada hartanya."</i> (Riwayat al-Bukhari).</p>	8
<p>Sayangnya, ramai orang merasa rungsing dengan isu harta. Antara keluhan yang sering kita dengar ialah, pendapatan yang tidak pernah cukup. Siang malam bekerja mencari rezeki, namun masih juga tidak cukup. Hartanya juga sering rosak. Anak isteri pun selalu sakit. Semuanya memerlukan duit.</p> <p>Lalu, apakah segala kerisauan ini mampu dihuraikan? Apakah di sini ada kaitannya dengan isu <b>keberkatan</b>?</p> <p><b>Hadirin kaum muslimin sekalian,</b></p>	9
<p>Ulama menjelaskan bahawa, barakah itu merujuk kepada kebaikan yang banyak. Ia bertambah daripada keadaan sebelumnya. Ia juga <b>berterusan</b> dan tidak terputus. Barakah juga merujuk kepada rezeki dan kenikmatan yang diberikan Allah SWT yang memberikan kebaikan yang banyak kepada kita.</p>	10
<p>Mari kita kaitkan keberkatan ini dengan kehidupan kita. Sesungguhnya, bagi menjamin keberkatan dalam hidup, sama ada dalam keluarga, harta mahu pun kerjaya, renunglah firman Allah SWT dalam surah al-A'raff ayat 96:</p> <p>وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾</p>	11
<p><i>"Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."</i></p>	12



<p>Dalam ayat ini, Allah SWT menyatakan bahawa syarat utama untuk meraih keberkatan ialah <b>beriman dan bertakwa</b> kepada-Nya dengan sempurna.</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah,</b></p>	13
<p>Lalu, adakah kita sudah benar-benar beriman dan bertakwa kepada Allah SWT? Sesungguhnya di antara ciri-ciri orang yang beriman itu ialah, mereka sangat taat kepada perintah Allah SWT. Mereka mendengar arahan Allah SWT dan melakukannya tanpa sebarang persoalan lagi. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ahzab, ayat 36:</p> <p>وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾</p>	14
<p><i>"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata."</i></p>	15
<p>Justeru, ketaatan dan kepatuhan dalam melaksanakan segala perintah Allah SWT, itulah bukti keimanan. Orang yang kuat iman dan taat, merekalah orang yang <b>bertakwa</b>. Lalu, keberkatan pun akan mendatangi mereka. Sama seperti lebah. Ia hanya akan mendatangi bunga yang masih ber madu di tangkainya.</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	16
<p>Adakah kita sama seperti bunga-bunga yang ber madu itu, yang mampu menjemput sang lebah mendatanginya? Adakah kita ini sudah bertakwa, sehingga mampu menjemput barakah mendatangi kita?</p> <p>Ingatlah! Salah satu ciri orang bertakwa, mereka amat menjaga kesucian hartanya. Mereka tidak membiarkan hartanya bercampur dengan milikan orang lain. Ini kerana, mereka bimbang harta milik orang lain itulah, yang boleh menghilangkan ketakwaan lalu menolak keberkatan dalam harta dan hidupnya.</p>	17



<p>Allah SWT menyatakan lagi dalam surah al-Ma'arij, ayat 24 – 25:</p> <p style="text-align: center;"><b>وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ۖ لِلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ</b></p> <p><i>"Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum. Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta);</i></p>	18
<p>Menurut Imam as-Suyuthi, 'haqqun maklum' (hak yang termaklum) itu bermaksud <b>zakat</b>. Maka, sedar atau tidak, di dalam harta dan pendapatan kita, ada 'zakat' yang wajib kita keluarkan. Jika tidak dikeluarkan, maka kita sengaja membiarkan hak orang lain itu, iaitu hak asnaf bercampur dengan harta kita. Akibatnya, tanpa sedar kita pun menggunakannya.</p>	19
<p>Bayangkan, ketika kita membeli makanan, di dalam makanan itu ada hak orang lain. Ketika kita membeli rumah, rumah kita itu sebahagiannya adalah hak orang lain. Ketika kita membeli kereta, sebahagian kereta itu juga adalah hak orang lain. Malah pakaian di badan kita, ia juga sebahagiannya hak orang lain.</p>	20
<p>Jadi, bukankah ini bermakna orang itu sudah <b>memakan</b> dan <b>menggunakan</b> harta orang lain yang bukan miliknya tanpa izin?</p> <p><b>Hadirin yang dimuliakan Allah sekalian,</b></p>	21
<p>Sesungguhnya membersihkan harta kita daripada percampuran dengan hak asnaf itu adalah satu kewajipan. Ia sangat mudah sebenarnya, iaitu dengan menunaikan zakat. Dengan zakat juga, kita mendapat banyak manfaat dan kebaikan. Antaranya adalah:</p>	22
<p>Pertama, zakat dapat <b>menyuburkan</b> kekayaan kita hingga terus berkembang dan mengelakkan pemberinya daripada menjadi miskin.</p>	23
<p>Sebagaimana Abu Hurairah Radhiallahu Anhu meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ</b></p> <p><i>"Harta tidak akan berkurang dengan sedekah (sebaliknya terus berkembang)."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	24



<p>Kedua, zakat dapat mengelakkan kematian yang <b>buruk</b> dan juga mengelakkan <b>kemurkaan</b> Allah SWT.</p>	25
<p>Daripada Anas bin Malik Radhiallahu Anhu bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ الصَّدَقَةَ تُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِّ، وَتَدْفَعُ مِيتَةَ السُّوءِ</p> <p>“<i>Sesungguhnya sedekah (termasuk zakat) itu (dapat) memadamkan kemurkaan Allah dan menolak kematian yang buruk.</i>”</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat al-Tirmizi).</p>	26
<p>Ketiga, zakat dapat memberikan rasa kelapangan hati dan terselamat dari perasaan gundah gulana.</p>	27
<p>Daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَثَلُ الْبَخِيلِ، وَالْمُنْفِقِ كَمَثَلِ رَجُلَيْنِ عَلَيْهِمَا جُبَّتَانِ مِنْ حَدِيدٍ مِنْ تُدْيِهِمَا إِلَى تَرَاقِيهِمَا، فَأَمَّا الْمُنْفِقُ فَلَا يُنْفِقُ إِلَّا سَبَعَتْ أَوْ وَفَرَتْ عَلَى جِلْدِهِ حَتَّى تُخْفِيَ بَنَانَهُ وَتَعْفُوَ أَثَرَهُ، وَأَمَّا الْبَخِيلُ فَلَا يُرِيدُ أَنْ يُنْفِقَ شَيْئًا إِلَّا لَزِقَتْ كُلُّ حَلْقَةٍ مَكَائِهَا فَهُوَ يُوسِعُهَا وَلَا تَتَّسِعُ</p>	28
<p>“<i>Perumpamaan orang yang bakhil (kedekut) dengan orang yang bersedekah (termasuk berzakat) seperti dua orang yang memiliki baju besi, yang bila dipakai (maka) menutupi dada sehingga ke pangkal pahanya. Orang yang bersedekah, disebabkan sedekahnya, dia merasakan baju besinya besar dan longgar sehingga tidak menjerut kulitnya. Sehingga hujung jarinya tidak terlihat dan baju besinya tidak meninggalkan bekas pada kulitnya. Sedangkan orang yang bakhil, disebabkan kebakhilannya dia merasakan baju besinya sangat ketat melekat di badannya. Dia berusaha untuk melonggarkannya namun tidak berjaya.</i>”</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat al-Bukhari).</p>	29
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Sesungguhnya, demi memastikan umat Islam di Selangor dapat menunaikan zakat dengan mudah, maka pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mewujudkan pelbagai mekanisme pembayaran. Sama ada melalui internet, potongan gaji, kad kredit dan sebagainya.</p>	30



<p>Kemudiannya, semua kutipan zakat yang hanya diambil daripada orang Islam itu, disalurkan dengan segera kepada asnaf yang lapan dari kalangan orang Islam iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil.</p>	31
<p>Hal ini selaras dengan apa yang telah dititahkan oleh DYMM Sultan Selangor, bahawa pengagihan zakat di negeri Selangor hanyalah kepada orang-orang Islam sahaja, khususnya kepada fakir dan miskin. Manakala agihan zakat kepada bukan Islam, dibolehkan <b>hanya sekiranya ianya menjadi penyebab individu terbabit memeluk Islam di bawah asnaf mu'allafati qulu buhum</b>. Hal ini hendaklah difahami, agar tidak menimbulkan kekeruhan di dalam masyarakat.</p>	32
<p>Mudah-mudahan khutbah pada kali ini dapat menyedarkan kita betapa pentingnya mencari keberkatan dalam harta lalu memotivasikan kita untuk sama-sama menjaganya dengan berzakat.</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	33
<p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa harta yang halal dan berkat sahaja akan menjamin seseorang itu dapat menikmati kehidupan yang direcai Allah SWT.</li><li>2. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa antara punca hilangnya keberkatan dalam harta adalah apabila berlakunya pengabaian menunaikan zakat.</li><li>3. Umat Islam hendaklah berusaha menjadikan dirinya seorang yang benar-benar beriman dan bertakwa kepada</li></ol>	34
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلَّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ</p>	35
<p><i>"Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan."</i></p>	36



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	29
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	30



## KHUTBAH KEDUA

<p>1</p> <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	<p>1</p>
<p>2</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	<p>2</p>
<p><b>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b></p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar...</p>	<p>3</p>
<p>menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam....</p>	<p>4</p>
<p>.... Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:</p>	<p>5</p>
<p>6</p> <p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	<p>6</p>
<p>7</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	<p>7</p>
<p>8</p> <p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرِ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	<p>8</p>



<p>اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِاَسْمَائِكَ الْحُسْنٰى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى اَنْتَ حَقَّقْتَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ،</p>	9
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ الْحَاجِّ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَةَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحْحَةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَغْكُوْ اَمِيْرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ</p>	10
<p>فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Ajaran Islam Jamaah.</p>	13
<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	14
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	15



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	16
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	17
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	18